

UCAPAN  
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN SISWA SISWI BARU SIDANG  
AKADEMIK 2006/2007 DI DEWAN 2020 PADA 25 JULAI 2007.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam  
Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor  
KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan )

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan  
Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM, Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua  
Jabatan KUKUM

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar  
Minggu Suaikenal (PPMS),

Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Kolej Universiti Kejuruteraan Utara  
Malaysia sidang akademik 2006/2007.

Sirih Berlipat Sirih Pinang,  
Sirih Dari Pulau Mutiara,  
Pemanis Kata Selamat Datang,  
Awal Bismillah Pembuka Bicara.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan ketenangan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar baru KUKUM bagi sidang akademik 2006/2007. Tidak lupa juga ucapan tahniah kerana berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah dan diploma setelah menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Diploma, Matrikulasi dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Sesungguhnya saudara/i yang berada di hadapan saya pada hari ini amat istimewa, kerana saudara/i adalah perintis kepada tiga program baru yang diperkenalkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan dan enam program baru diperingkat diploma iaitu:

- Diploma Kejuruteraan Mikroelektronik
- Diploma Kejuruteraan Komputer
- Diploma Kejuruteraan Pembuatan
- Diploma Kejuruteraan Metalurgi
- Diploma Kejuruteraan Elektrik
- Diploma Kejuruteraan Mekatronik

Syabas saya ucapkan kerana menjadi kumpulan perintis yang pertama. Namun saudara/i perlu bekerja keras dan berusaha dengan gigih untuk mencapai cita-cita dan harapan diri serta keluarga kerana sebagai perintis, tidak ada pembimbing dari abang/kakak senior untuk membantu anda dalam pelajaran. Oleh itu, usaha gigih yang tidak kenal erti penat dan lelah, mampu berdikari dan gagah menahan cabaran perlu ditanam dalam

setiap diri anda kerana setiap rintangan akan membuahkan kejayaan di masa hadapan. Begitu juga dengan pelajar-pelajar program lain, berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengejar ilmu yang tiada hadnya.

Saudara-saudari sekalian,

KUKUM berbangga dengan moto 'ilmu, keikhlasan, kecemerlangan'. Ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepada-nya mendasari penerokaan ilmu. Kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati serta diamalkan dengan sewajarnya. Adalah diharapkan agar segala hasil yang dijana oleh warga KUKUM dapat dimanfaatkan oleh negara dan seterusnya dunia. Inilah yang menjadi harapan KUKUM kepada semua pelajar-pelajar baru untuk bersama-sama menghayati moto 'ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan' seperti mana yang kita sama-sama nyanyikan dalam lagu rasmi KUKUM, 'WAWASANKU' sebentar tadi.

KUKUM juga telah mengariskan satu misi yang akan terus berusaha untuk merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang ke arah ketamadunan dunia. Sebagai pelajar-pelajar baru di KUKUM, saudara/i diharapkan dapat memahami dan menghayati misi ini sebagai panduan utama untuk kita semua warga KUKUM bergerak seiring mencipta kejayaan dan kecemerlangan. Sehubungan itu juga, visi kita ialah menjadi

institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara.

Saudara-saudari sekalian,

Penglibatan saudara/i dalam minggu suaikenal ini sedikit sebanyak membantu untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus KUKUM yang berkonsepkan 'distributed campus', yang mana seluruh negeri Perlis ini menjadi perkarangan kampus kita, sesuai dengan impian kerajaan negeri Perlis untuk menjadikan negeri Perlis sebagai 'negeri ilmu'. Selain itu, konsep ini merupakan konsep yang bernas dan boleh dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pelajar baru. Dalam kehidupan manusia, kita perlu menghayati pepatah yang menyebut 'bersusah-susah dahulu dan bersenang-senang kemudian' agar setiap kita insaf serta sedar bahawa untuk berjaya tidak ada jalan mudah sebaliknya terpaksa menempuh kepayahan dahulu. Oleh itu, semua pelajar baru seharusnya mengambil ikhtibar dan menjadikan konsep 'distributed campus' KUKUM ini sebagai cabaran untuk akhirnya berusaha mencapai kecemerlangan dalam pengajian masing-masing.

Walaupun begitu, KUKUM tetap menyediakan kemudahan dan prasarana yang sebaik mungkin bagi memastikan setiap pelajar baru menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus KUKUM. Umpamanya,

perkhidmatan bas yang berjadual sentiasa diperbaiki dan ditambah jumlahnya bagi memastikan pergerakan pelajar-pelajar ke setiap cawangan di kampus KUKUM yang teragih ini tidak terjejas. Selain itu, kolej kediaman pelajar sentiasa dipertingkatkan perkhidmatan dan kemudahannya dari masa ke semasa bagi memastikan keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin. Begitu juga dengan setiap kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar akan sentiasa dipastikan berkualiti dan mencukupi.

Saudara-saudari sekalian,

Untuk makluman saudara/i mulai saat ini hingga tahun 2007, sebanyak 12 sasaran umum telah dikenal pasti untuk dicapai oleh KUKUM. Di antaranya ialah sasaran ke empat iaitu KUKUM akan berusaha melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri unggul dan hebat seperti mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi, mampu bertindak dan berfikir secara rasional dan bijaksana, mempunyai nilai jatidiri yang utuh serta berkualiti dalam bidang ilmu dan kemahiran. Untuk ini, KUKUM akan melibatkan semua pelajar dalam aktiviti khidmat masyarakat serta menerapkan imej profesionalisme di kalangan pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di sini. Di samping itu kita akan memperkenalkan kursus atau seminar pendidikan moral dan etika. KUKUM akan cuba menerapkan nilai-nilai prihatin terhadap alam sekitar, melaksanakan

kursus, bengkel dan program yang dapat membentuk keyakinan diri dan keperibadian yang tinggi dan mulia serta berjiwa patriotik.

Dalam usaha melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri unggul dan hebat KUKUM telah merancang untuk melaksanakan pembangunan sahsiah pelajar yang berteraskan kepada konsep JERIS, iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sosial yang akan dipraktikkan kepada pelajar peringkat diploma mulai tahun ini. Iaitu:

- Yang merangkumi penyertaan pelajar dalam badan-badan beruniform seperti PBSM, Pengakap, Bomba, Silat
- Penyertaan dalam program-program yang bercorak pembangunan kerohanian, pendidikan moral, bimbingan akademik dan,
- Penyertaan dalam program-program yang bercorak pembangunan intelektual

Apa yang dilakukan oleh KUKUM dengan meletakkan sasaran tadi sebenarnya ia selaras dengan konsep minda kelas pertama yang dilaungkan oleh YAB Perdana Menteri kita. Iaitu yang merujuk kepada cara berfikir, sikap dan kemampuan otak seperti yang dimiliki oleh rakyat di negara maju di samping bersikap inovatif, saintifik dan rasional. Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah sumber manusia adalah aset terpenting kepada organisasi. Jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber

manusianya. Sumber manusia ini perlu digerakkan secara produktif dan proses pendidikan menjadi titik tolak kepada usaha itu.

Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan menjadi kunci kejayaan sepanjang proses tersebut. Dalam menyahut cabaran untuk melahirkan mahasiswa kelas pertama unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar. Jadi dalam membentuk minda kelas pertama, aspek keilmuan dan pendidikan mendapat perhatian utama di KUKUM.

Justeru itu, sekali lagi saya ingin menasihati semua pelajar baru agar menjadikan setiap kepayahan dalam kehidupan ini sebagai satu cabaran untuk dihadapi dan bukannya satu masalah besar yang akhirnya menghalang dan menjejaskan prestasi saudara/i. Seandainya kita berusaha menempuh dan mengatasi segala cabaran yang dihadapi maka sudah pasti pemikiran dan tingkah laku kita akan menjadi lebih matang, bijaksana dan cemerlang. Sebaliknya jika kita menganggap masalah sebagai halangan maka yang sebenarnya kita belum bersedia menjadikan pemikiran dan hidup kita ke arah kematangan kerana masalah akan ada di mana-mana tetapi keupayaan kita menanganinya adalah cabaran sebenar dalam kehidupan. Apa yang penting kedatangan kita ke KUKUM

dengan satu niat iaitu menuntut ilmu yang akan menjadi kunci kejayaan di masa akan datang. Sebuah hadis Rasulullah (saw) yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim,

*"Sesungguhnya setiap amalan hendaklah disertakan dengan niat dan tiap-tiap orang akan mendapat apa yang diniatkan. Bagi mereka yang berhijrah kepada Allah dan Rasulnya, hijrahnya adalah kerana Allah dan Rasulnya. Dan bagi mereka yang hijrahnya adalah kerana mencapai faedah keduniaan, hijrahnya adalah untuk apa yang diniatkan"*

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa niat atau objektif kita haruslah jelas dan sekiranya kita berusaha ke arah objektif tadi, sudah pasti kita akan mencapainya. Niat bagi orang Islam seharusnya dibentuk supaya segala amalan dijadikan ibadat, termasuk amalan atau usaha keduniaan yang boleh dijadikan ibadat juga jika diniatkan dengan cara yang betul.

Saudara-saudari sekalian,

Malaysia masih lagi memerlukan lebih dari 137 ribu orang jurutera mahir dalam pelbagai bidang. Seboleh-bolehnya, kita tidak mahu jurutera-jurutera mahir yang diperlukan ini terpaksa diimport dari negara luar. Kita mahu anak-anak watan Malaysia sendiri untuk memimpin kita di arena sains dan teknologi. Inilah yang menjadi harapan dan matlamat KUKUM kepada semua pelajar baru iaitu saudara/i di hadapan saya pada hari ini. Pada 22 Julai 2006, hari istimewa yang ditunggu-tunggu oleh



seluruh warga KUKUM iaitu istiadat konvokesyen pertama KUKUM. Pada hari tersebutlah KUKUM membuktikan bahawa walaupun berstatus antara universiti yang termuda di antara IPTA yang lain, KUKUM mampu untuk melahirkan jurutera-jurutera mengikut acuan sendiri.

KUKUM telah berjaya melahirkan bakal-bakal graduan yang cemerlang dalam bidang akademik iaitu sebanyak 40.2% graduan berada dalam kedudukan PNGK 3.0 keatas dan seorang pelajar telah berjaya meletakkan dirinya di kedudukan Kelas Pertama. Malah, apa yang membanggakan lagi bakal-bakal graduan ini telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR dan lain-lain lagi. Seramai 21 orang pelajar dari pusat pengajian Mikroelektronik dan 12 orang dari pusat pengajian Komputer telahpun mendapat pekerjaan. Ini membuktikan bahawa bakal-bakal graduan ini adalah berkualiti serta mampu memenuhi kehendak pasaran kerja. Benarlah seperti kata oleh orang-orang dahulu, iaitu

Tinggi Sungguh Gunung Daik

Mercunya Nampak Terang Berkilau

Kalau Asal Benih Yang Baik

Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau

Saudara/i sekalian untuk 'menjadi pulau' yang digeruni di masa hadapan, usaha yang padu perlu dilakukan dari sekarang. Harapan saya dan seluruh warga KUKUM kepada saudara/i amatlah tinggi dalam usaha untuk membangunkan sebuah universiti yang bakal menjana pemimpin terbilang negara dan seterusnya menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia. Harapan kami ialah:

- Pertama, akan melahirkan bakal-bakal graduan lepasan ijazah dan diploma yang berkualiti dari segi pencapaian akademik iaitu graduan kelas pertama (CGPA 3.67 ke atas) sebanyak 10% dan graduan kelas dua ke atas (CGPA 3.0 – 3.66) sebanyak 50%.
- Kedua, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai *soft skill* yang tinggi iaitu mempunyai daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa lain yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik dan disayangi oleh ramai *stakeholder* (pelanggan)
- Ketiga, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai minda dan sahsiah kelas pertama.
- Keempat, melibatkan 100% pelajar dalam kegiatan sukan, kerja-kerja amal dan masyarakat.
- Kelima meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang sukan olahraga, sukan permainan dan kebudayaan agar berupaya memenangi lebih 30% pingat dan sekurang-kurangnya 5% adalah pingat emas dalam pertandingan sukan antara universiti, dan

- Keenam melibatkan 5% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui pertukaran pelajar dalam bidang sukan, kebudayaan dan menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa seperti bahas, keusahawanan, rekacipta dan lain-lain lagi.

Bagi memenuhi harapan kami ini, saya berharap anda semua tekadkan usaha untuk menjadi yang terbaik di antara yang terbaik.

Saudara-saudari sekalian,

Bagi membantu saudara/i menyesuaikan diri dengan suasana kampus teragih barisan PPMS (Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal) akan memainkan peranan mereka sebagai abang dan kakak. Barisan PPMS ini umpama mewakili keseluruhan pelajar KUKUM untuk sama-sama membantu KUKUM menjayakan setiap program yang dilaksanakan. Komitmen dan pengorbanan mereka ini membuktikan bahawa kehidupan di kampus KUKUM banyak mengajar erti kehidupan yang sebenarnya walaupun dalam konsep kampus yang teragih.

Akhir kata sebelum saya memperkenalkan barisan ketua-ketua jabatan di KUKUM, sekali lagi saya ingin mengalu-alukan kedatangan saudara/i pelajar-pelajar baru KUKUM ke kampus KUKUM. Sesungguhnya kedatangan saudara/i amat dinanti-nantikan oleh seluruh warga KUKUM bagi kita bersama-sama menambahkan warga kita dan seterusnya seiring

berusaha mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang telah berusaha dengan gigih melaksanakan minggu suaikenal ini dengan jayanya. Begitu juga kepada barisan PPMS yang terdiri daripada pelajar-pelajar senior KUKUM, diucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana sanggup mengorbankan masa cuti semester mereka untuk sama-sama membantu KUKUM menjayakan program ini. Terima kasih juga kepada semua pihak dari jabatan-jabatan dan pusat-pusat pengajian yang turut sama membantu menjayakan minggu suaikenal sidang akademik 2006/2007 dengan lancarnya.

Seterusnya saya akan memperkenalkan ketua-ketua jabatan

1.	Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin Rektor
2.	Prof. Dr. Ali Yeon b. Md. Shakaff Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan)
3.	Prof. Madya Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Tn. Hj. Rusli Hj. Abd. Hamid Pendaftar
5.	Tn Hj Ayob bin Ismail Bendahari

6.	Pn Hjh Foyziah bt. Ahmad Nasuruddin Ketua Pustakawan
7.	Prof. Madya Dr. Ismail bin Daut Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik
8.	Prof. Madya Zaliman Sauli Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
9.	Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin bin Jamaludin Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
10.	Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan
11.	Prof. Dr. Mohd. Zaki Abdul Muin Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
12.	Prof. Dr. Sazali Yaacob Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
13.	En. Khairul Nizar Ismail Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
14.	Prof. Madya Dr. Mohamed Zulkali Mohamed Daud Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses

15.	En. Ku Halim Ku Ariffin Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
16.	En. Shamshul Bahar Yaakob Dekan Hal Ehwal Pelajar
17.	Prof. Madya Ir. Mohabbatul Zaman SNS Bukhari Dekan Pengurusan Akademik
18.	Prof. Madya Dr. Uda Hashim Dekan Penyelidikan dan Pembangunan
19.	Prof. Madya Dr. Mohd. Rizon b. Mohd. Juhari Dekan Pengajian Ijazah Tinggi
20.	En. Abdul Rahman bin Mohd Saad Pengarah Pusat Kejuruteraan
21.	Prof. Madya Mohd. Shuid b. Salleh Pengarah Pusat Kerjasama Industri
22.	Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid Pengarah Jabatan Pembangunan
23.	Prof. Madya Dr. Zuraidah bt. Mohd. Zain Pengarah Unit Pengantarabangsaan
24.	Prof. Madya Dr. Salmah Ayob Pengarah Unit Kebudayaan dan Rekreasi

25.	En. Abdul Aziz Mahmudin Pengarah Unit Pembangunan Korporat
26.	Ustaz Hassan Arshad Penyelaras Unit Agama Islam
27.	Lt. Kol. (B) Azuddin b. Bahari Penyelaras Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
28.	Prof. Madya Ahmad Nazri Abdullah Penyelaras Unit Pengajaran dan Pembelajaran
29.	En. Mohamed Ismail Jais Penyelaras Unit Kualiti
30.	Prof. Madya Abdull Halim Abdul Penyelaras Unit Matematik
31.	Prof. Dr. Ismail Abdullah Penyelaras Unit Multimedia
32.	En. Azuwir Mohd. Noor Penyelaras Kilang Mengajar
33.	En. Nasruddin bin Abdul Shukor Pemangku Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

34.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad Pengurus Unit Pengurusan Kluster Penyelidikan
35.	En . Zuber Hj. Mohamad Pengetua Kolej Kediaman
36.	En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah Pengetua Kolej Kediaman
37.	Mejar (B) Haji Bakri bin Hamid Pegawai Keselamatan

Saya sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.